



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR
[BAHAGIAN SIVIL]
[GUAMAN NO: 22NCVC-268-03/2013]**

ANTARA

TUCK KEONG TRACTOR ENGINEERING WORKS

(NO. PENDAFTARAN: 000443551)

[Mendakwa sebagai suatu firma]

... PLAINTIF

DAN

FELDA PALM INDUSTRIES SDN BHD

(NO.SYARIKAT: 359584-V)

... DEFENDAN

PROSEDUR SIVIL: Penghakiman terus - Beban bukti - Kes prima facie - Tuntutan wang tahanan - Sama ada plaintif telah membuktikan tuntutannya terhadap defendan pada tahap kes prima facie - Sama ada plaintif dapat membuktikan ketiadaan sebarang halangan untuk menuntut bayaran daripada defendan

KONTRAK: Kemungkiran - Obligasi dibawah kontrak - Sama ada plaintif telah mematuhi obligasi kontraknya - Sama ada terdapat sebarang aduan berkenaan ketidakpatuhan obligasi kontrak oleh defendan terhadap plaintif

KONTRAK: Tuntutan atas kerja yang dilakukan - Sijil akaun muktamad - Wang tahanan - Sama ada wang tahanan perlu dipulangkan berikutan pengeluaran sijil akaun muktamad dan arahan jurutera

[Permohonan plaintif dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying (Trading as KH Trading) & Anor
[2006] 3 CLJ 544 FC (**dirujuk**)

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 14

ALASAN PENGHAKIMAN

Lampiran 10

Ini adalah permohonan daripada Plaintiff untuk Penghakiman Terus selaras dengan Aturan 14, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk perintah-perintah seperti berikut:

- i. Defendan membayar wang amaun sebanyak RM342,360.16 kepada Plaintiff,
- ii. faedah pada kadar 5% setahun dari tarikh 25.6.2010 sehingga tarikh penyelesaian penuh, dan
- iii. kos.

Ringkasan Kes

Pada 9.9.2008, Plaintiff dan Defendan telah membeli hartanah untuk melaksanakan projek dikenali sebagai “Jengka 21 Palm Oil Mill”. Projek ini ialah untuk “supply workforce, equipment and materials to construct and

complete of that proposed access road to new Jengka 21 Palm Oil Mill at Felda Jengka 21, Pusat Bandar Jengka, Pahang.” Jumlah kontrak yang dipersetujui ialah RM6,150,000.00.

Projek tersebut telah siap dibina pada 28.2.2009 dan telah diserahkan kepada Defendan pada 25.6.2009. Pada 7.9.2009, Felda Engineering Services Sdn Bhd mengeluarkan *Certificate of Practical Completion* kepada Plaintiff dan menyatakan tempoh gerenti akan tamat pada 25.6.2010. Felda Engineering Services Sdn Bhd adalah Jururunding yang dilantik oleh Defendan.

Tiada apa-apa aduan kecacatan kerja-kerja yang dijalankan oleh Plaintiff diterima dari Jururunding Defendan.

Pada 27.1.2011, Jururunding Defendan telah mengeluarkan surat pada Defendan untuk melepaskan wang tahanan kepada Plaintiff sebanyak RM342,360.16 dan Sijil telah dikeluarkan pada 2.3.2011. Plaintiff ada memohon daripada Defendan untuk melepaskan wang tahanan tersebut tetapi Defendan enggan berbuat demikian.

Defendan mengatakan yang Plaintiff tidak berhak pada wang tahanan tersebut kerana wang tersebut untuk digunakan oleh Defendan bagi membaiki kecacatan akibat dari kegagalan Plaintiff untuk mematuhi obligasi kontraknya.

Defendan menyatakan jalan-jalan yang dibina oleh Plaintiff telah rosak dan Defendan telah mendapatkan laporan dari Allied Engineering Consultancy Services Sdn Bhd bersama dengan kontraktornya Carita Sdn Bhd. Ujian ke atas jalan untuk penyediaan laporan ini dibuat pada 14.9.2011.

Penilaian dan pendapat Mahkamah

Bagi permohonan di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, ujiannya telah ditetapkan dalam kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes *Cempaka Finance Bhd. v. Ho Lai Ying (Trading as KH Trading) & Anor* [2006] 3 CLJ 544. Beban bukti pada tahap kes *prima facie* adalah pada pihak Plaintiff. Plaintiff dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam kes *Cempaka Finance* ini.

Setelah penelitian dibuat pada pliding dan affidavit yang difailkan, saya dapati bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kes *Cempaka Finance* ini telah dipatuhi oleh Plaintiff dan saya dapati Plaintiff telah membuktikan kesnya terhadap Defendan pada tahap kes *prima facie*.

Dengan itu beban berakhir kepada Defendan untuk membangkitkan apa-apa isu yang harus dibicarakan.

Di dalam penghujahan Defendan, Defendan telah membangkitkan isu-isu seperti berikut:

- i. berdasarkan Laporan Penilaian (eksibit A-4, Affidavit Jawapan Defendan) yang mana ujiannya dijalankan pada 14.9.2011, Defendan hujahkan bahawa isu *deficit of the crusher - run to build the said road* menjadi isu dalam tindakan ini;
- ii. Jumlah RM60,000.00 dicadangkan oleh Defendan sebagai diskaun;
- iii. Plaintiff gagal melaksanakan obligasi kontraknya berdasarkan pada *Consultant Engineers's Certificate*. Plaintiff merujuk pada Klausula 49, Kontrak antara Plaintiff dan Defendan bertarikh 9.9.2008.

Bagi menentukan samada isu-isu yang dibangkitkan oleh Defendan ini merupakan isu yang dibangkitkan dan perlu dibicarakan, saya perlu merujuk pada tarikh-tarikh penting dalam tindakan perlaksanaan kontrak antara Plaintiff dan Defendan. Tarikh-tarikhnya adalah seperti berikut:

- 9.9.2008 - Kontrak dilaksanakan antara Plaintiff dan Defendan;
- 25.6.2009 - Projek telah siap dengan memuaskan mengikut Jurutera;
- 7.9.2009 - *Certificate of Practical Completion* dikeluarkan mengikut Klausula 39 (b) Kontrak berkenaan. Dapat dilihat dalam eksibit CKT-C - Affidavit Sokongan Plaintiff (Lampiran 11);
- 3.11.2009 - Defendan beritahu Jurutera bahawa terdapat kecacatan pada jalan - eksibit A-3, Affidavit Jawapan Defendan (Lampiran 24);
- 4.6.2010 - atas permintaan Defendan, Jurutera luluskan perlanjutan masa untuk siapkan kontrak - dibuat bawah peruntukan Klausula 43 - rujuk eksibit CKT-T, Lampiran 11;
- 25.6.2010 - tempoh tanggungan cacat tamat - rujuk eksibit CKT-E (1) dan (2), Lampiran 11;

- 24.1.2011 - Defendan siapkan kerja-kerja baik pulih jalan yang diadukan pada 3.11.2009 oleh Defendan kepada Jurutera;
- 7.2.2011 - surat dari Pejabat Tenaga Kerja Temerloh sahkan tiada apa-apa aduan mengenai projek tersebut dan tiada halangan untuk segala pembayaran dibuat kepada Plaintiff - rujuk eksibit CKT-F, Affidavit Sokongan Plaintiff (Lampiran 11);
- 22.2.2011 - Jurutera keluarkan *Final Account Certificate* - rujuk eksibit CKT-AA, Lampiran 11. Sijil ini dikeluarkan mengikut Klausula 48 (b) Kontrak;
- 2.3.2011 - Jurutera keluarkan surat untuk wang tahanan (retention sum) sebanyak RM342,360.16 dibayar keluar pada Plaintiff - rujuk eksibit CKT-G, Lampiran 11;
- 14.9.2011 - ujian ke atas jalan diadakan - rujuk eksibit A-4, Affidavit Jawapan Defendan (Lampiran 24). Laporan Penilaian dikeluarkan oleh Allied Engineering Consultancy Services Sdn. Bhd. bersama dengan kontraktornya Carita Sdn. Bhd.

Dari keterangan affidavit-afidavit, kronologi di atas diperolehi dan saya dapati yang kerja-kerja telah disiapkan oleh Plaintiff dan Pejabat Tenaga Kerja

Temerloh telah pada 7.2.2011 sahkan tiada apa-apa aduan tentang projek tersebut dan tiada halangan untuk segala bayaran dibayar pada Plaintiff.

Sebelum itu, atas aduan Defendan bahawa jalan itu terdapat kecacatan tapi telah dibaiki oleh Plaintiff dan telah siap 24.1.2011. Plaintiff telah mendapat perlanjutan masa untuk projek tersebut dan akhirnya dengan segala kecacatan dibaiki Pejabat Tenaga Kerja tidak mempunyai halangan untuk bayaran dibuat pada Plaintiff.

Pada 22.2.2011, pihak Jurutera telah keluarkan *Final Account Certificate* dan pada 2.3.2011 Jurutera telah keluarkan surat untuk wang tahanan sebanyak RM342,360.16 dibayar pada Plaintiff setelah kerja-kerja dilakukan telah memuaskan pihak Jurutera.

Defendan mendakwa yang jalan tersebut masih mempunyai banyak kecacatan dengan ujian yang dijalankan oleh Allied Engineering Consultancy Services Sdn. Bhd. bersama dengan kontraktornya Carita Sdn. Bhd.

Saya dapati ujian ini dijalankan pada 14.9.2011 iaitu selepas Plaintiff baiki segala kecatatan yang diadukan dan selepas tamatnya tempoh tanggungan cacat serta selepas Jurutera mengeluarkan surat untuk wang tahanan dibayar kepada Plaintiff setelah kerja-kerja Projek ini dijalankan oleh Plaintiff dengan memuaskan dipihak Jurutera seperti yang dipersetujui didalam kontrak. Saya dapati pada peringkat ini Plaintiff telahpun melaksanakan segala obligasinya di bawah Kontrak.

Persoalan mengenai diskaun sebanyak RM60,000.00 yang dikatakan ditawarkan oleh Plaintiff itu, saya dapati bukan merupakan akuan tanggungan liabiliti kerana pada masa Jurutera mengarahkan wang tahanan dipulangkan pada Plaintiff dan *Final Account Certificate* dikeluarkan maka wang tahanan perlu dikembalikan pada Plaintiff dan Plaintiff telahpun laksanakan segala obligasinya bawah kontrak. Saya dapati hujahan ini tidak berasas.

Peguan Defendan menghujahkan yang Klausula 49, Kontrak terpakai dalam keadaan ini. Saya dapati Klausula 49, Kontrak ini tidak terpakai untuk wang tahanan tetapi sebaliknya rujuk pada material-material berkaitan jalan juga

kecacatan dan lainnya seperti dinyatakan dalam Klausa 49 dan tidak untuk wang tahanan.

Setelah meneliti keterangan afidavit, saya berpuashati bahawa Plaintiff telah membuktikan tuntutananya dengan keterangan yang kukuh sebagaimana dinyatakan di atas. Saya dapati dakwaan-dakwaan Defendan adalah tidak bermerit.

Dengan itu, permohonan Plaintiff melalui Lampiran 10 diluluskan oleh Mahkamah dengan kos dan kos sebanyak RM4,000.00 diperintahkan kepada Plaintiff.

Bertarikh: 16 JULAI 2013

(ROSILAH YOP)
Pesuruhjaya Kehakiman
NCVC 8
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Kaunsel:

Bagi pihak plaintif - Ng Chek; T/n Ng Chek & Co
Peguambela dan Peguamcara
No. 12-1-1, Jalan Prima 7
Batu 7, Jalan Kepong
Pusat Niaga Metro Prima
52100 Kuala Lumpur

Bagi pihak defendan - Habizan Habeeb Rahman (Shasha K Supramaniam bersamanya); T/n Rahman Rohaida
Peguambela dan Peguamcara
No. 32, 3rd Floor, Jalan Medan 9
Taman Medan
46000 Petaling Jaya
Selangor